



مجلس دائره كريان

MAJLIS DAERAH KERIAN
No. 1, Wisma MDK, Jalan Padang
34200 Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan



Telefon : 05-716 1228
Faks : 05-716 9268
E-mel : pentadbiran@mdkerian.gov.my
Portal : www.mdkerian.gov.my

Ruj: Kami : Bil M.D.KERIAN P 3/23(8) – U3
Tarikh : September 2023

NOTIS SEBUT HARGA

RALAT

Terbuka kepada kontraktor. Tuan adalah dipelawa oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian untuk menyertai sebut harga sepertimana syarat berikut mengikut tajuk projek yang berkaitan.

- i. **Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 220301 (Alat hawa Dingin (window/split/berpusat)).**
- ii. **Bertaraf (BUMIPUTERA) Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.**
- iii. **Berdaftar sebagai Kontraktor/Pemborong Majlis Daerah Kerian bagi tahun 2023 dan 2024.**
- iv. **Masih dibenarkan membuat kerja secara sebut harga.**

NO SEBUT HARGA	NAMA PROJEK/	HARGA BORANG	TEMPAT DAN TARIKH BORANG DI JUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP
MDK 24/2023	Penyelenggaraan Bulanan Penghawa Dingin Bangunan-Bangunan Milik Majlis Daerah Kerian	RM50.00	<p>Kaunter Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Kerian Wisma MDK Jalan Padang 34200 Parit Buntar</p> <p><u>MASA</u> <i>Isnin-Khamis</i> 8.00 pagi- 12.30 tgh 2.00 ptg. – 4.00 ptg.</p> <p><i>Jumaat</i> 8.00 pagi -12.15 tgh 2.45 ptg – 4.00 ptg</p> <p><u>DARI TARIKH</u> 14 September 2023 (Khamis)</p> <p><u>HINGGA</u> 20 September 2023 (Rabu)</p>	<p>KEMENTERIAN KEWANGAN</p> <p><i>Kategori :</i> 22 <i>Perkhidmatan</i></p> <p>03 <i>Penyelenggaraan / Pembaikan Alat Hawa Dingin</i></p> <p>01 <i>Alat Hawa Dingin (Window/ Split/ Berpusat)</i></p>	<p><u>TARIKH</u> 20 September 2023 (Rabu)</p> <p><u>MASA</u> 12.00 Tengahari</p> <p>Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan</p>

1. Semasa taklimat, Penyebut harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** dan **SALINAN (tidak dikembalikan)** seperti berikut :-
 - 1.1 Sijil Akaun Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan; dan
 - 1.2 Sijil Akaun Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dari Kementerian Kewangan (jika berkenaan).Sekiranya Penyebut harga tidak mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor dan mempunyai Sijil Virtual, Penyebut harga hendaklah mengemukakan Nombor Pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan kepada Urus Setia bagi penyemakan dan pengesahan satus pendaftaran syarikat.
2. Kehadiran taklimat adalah **DIWAJIBKAN** pada **14 September 2023 Jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Kerian Permai Parit Buntar**. Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini pada waktu yang ditetapkan boleh menyebabkan tawaran Sebutharga **TIDAK** akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini tidak akan dilayan. Setiap Syarikat hanya dibenarkan menghantar **dua (2)** orang wakil yang terdiri daripada pengurusan atasan dan pakar dalam bidang yang ditawarkan.
3. Syarikat/ kontraktor hendaklah memastikan senarai semak sepertimana berikut dipatuhi sebelum mengemukakan semula dokumen sebut harga (wajib diisi dan kemukakan)
 - i. **Borang Sebut Harga telah lengkap diisi.**
 - ii. **Salinan pendaftaran Sijil Taraf Bumiputera Kementerian Kewangan, Sijil Kementerian Kewangan**
 - iii. **Senarai Pengalaman Kerja / Kerja Semasa disertakan**
 - iv. **Penyata Akaun Bank (3 Bulan Semasa)**
 - v. **Salinan No Pendaftaran bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)**
4. Majlis Daerah Kerian tidak terikat menerima tawaran yang terendah atau tertinggi atau mana-mana tawaran.
5. Majlis Daerah Kerian tidak akan bertanggungjawab atas sebab-sebab kelewatan atau kehilangan Borang Sebut Harga tersebut.
6. Borang sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermetri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut Harga Majlis Daerah Kerian** di Kaunter Bersepadu Majlis Daerah Kerian pada **20 September 2023 (Rabu)** tidak lewat jam **12.00** tengahari.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HELMY BIN YUSOF@JUSOH A.M.P.)

Yang Dipertua
MAJLIS DAERAH KERIAN

MA/Mokhtar/nsa 2023 NOTIS SEBUT HARGA econ

“PERAK SEJAHTERA 2030”